# Silat Garuda dari Kedah sedia untuk pertahankan gelarannya

Oleh HAMZAH NOR

26 JAN 1975

Berita Minggu

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Johan tahun lalu, pasukan Silat Garuda dari Alor Star, Kedah, akan menguji nasib mereka dalam pertandingan silat peringkat kebangsaan yang akan berlangsung di Stadium Negara pada 16 Februari depan.

Pasukan tersebut kini sedang giat berlatih pada tiap-tiap malam di bawah arahan jurulatih yang berpengalaman bagi persiapan mereka untuk pertandingan tersebut.

Pertandingan bagi kali kedua itu dianjurkan oleh Pertubuhan Seni Silat Lincah Malaysia merebut piala pusingan sumbangan dari Encik Zahari bin Haji Zabidi, Pengarah Ajinomoto.

## Sambutan

Pengerusi pertandingan tersebut, Mahaguru Omar Din menyatakan, pertandingan tahun ini dijangka mendapat sambutan meriah kerana tiap-tiap negeri seluruh Malaysia akan menyertai pertandingan itu.

Katanya, Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura bersetuju menghantar satu pasukan untuk menunjukkan permainan mereka dalam pertandingan tersebut.

Singapura akan diwakili oleh Silat Harimau, Indonesia diwakili oleh Silat Ikwannussafa, Negeri Thai diwakili oleh pasukan Boxing Tumoi dan Filipina diwakili oleh Samurai.

Encik Omar Din baru saja pulang dari melawat ke negara-negara tersebut bersama-sama empat orang ahli Silat Lincah Malaysia kerana berunding dengan pakar-pakar silat di negara-negara tersebut.

## Bersetuju

Katanya, mereka bersetuju untuk menunjukkan permainan mereka dalam pertandingan itu.

Kedatangan negara-negara tersebut, kata Omar Din ditanggung oleh Pertubuhan Seni Silat Lincah Malaysia sendiri.

Beliau berkata, dalam pertandingan peringkat kebangsaan pasukan yang berjaya menjadi johan akan menerima hadiah sebuah piala pusingan dan wang tunai $1,000, naib johan menerima $750 dan ketiga $500. Manakala pasukan yang tidak berjaya akan menerima hadiah saguhati.

Dalam pertandingan itu tiap-tiap pasukan dibenarkan satu regu bermain tangan kosong dan satu regu bersenjata.

Tiap-tiap pasukan hanya dibenarkan bermain selama 10 minit dan pakaian seragam bagi tiap-tiap pasukan juga akan diberi markah.

Pertandingan tersebut akan dihakimkan oleh lima orang pengadil terdiri dari mahaguru-mahaguru silat yang telah mempunyai pengalaman serta tiga orang jemaah hakim.

## Meriahkan

Bagi memeriahkan lagi pertandingan itu beberapa pasukan pertahanan diri seperti, Tai Kwan Do, Karate, Judo dan Tai Chee telah dijemput untuk menunjukkan kepandaian mereka.

Pertandingan tersebut dijangka akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Tun Razak.

Pasukan Senidra Kajang akan mempersembahkan tarian mereka semasa pertandingan berehat.

Pasukan-pasukan dari tiap-tiap negeri yang belum menghantar nama pasukan mereka diharap supaya berhubung segera dengan setiausaha pertandingan tersebut, Encik Diman Hassan, No. LB 13, Batu 3½, Jalan Gombak, Kuala Lumpur dengan secepat mungkin, tegas Encik Omar Din.

71